

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

RPK 141 - Penempatan Manusia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Soalan 1 adalah Wajib.

1. Bincangkan bagaimanakah sistem ekonomi dan sosial mempengaruhi masyarakat dan penempatan manusia? Beri contoh untuk jawapan anda.

(25 markah)

2. Dengan merujuk kepada keadaan di negara ini, nyatakan tipologi penempatan yang ada dan bincangkan bagaimana mereka terbentuk.

(25 markah)

3. C.A. Doxiades mengatakan bahawa penempatan manusia mempunyai dua unsur utama yang boleh dibahagikan kepada lima komponen kecil. Nyatakan unsur dan komponen tersebut dan bincangkan sama ada anda bersetuju dengan pendapat ini.

(25 markah)

4. Jelaskan dengan ringkas strategi pembangunan penempatan manusia di Malaysia. Bincangkan sama ada strategi ini bersesuaian untuk masa depan negara ini khususnya dari segi sosio-ekonomi.

(25 markah)

5. Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, aspek-aspek kelas dan etnik memainkan peranan dalam mencorakkan keadaan penempatan manusia. Bincangkan.

(25 markah)

...2/-

6. Proses urbanisasi sedang berlaku dengan giat di Dunia Ketiga. Adakah proses ini serupa atau berbeza dengan proses urbanisasi yang telah dialami oleh Negara Maju sebelum ini? Bincangkan.

(25 markah)

ooo00ooo